

Abuse - Adult Abuse

p: 86



**Artikel sumbangan:
DR. HALIZA ZURAH**
Haliza pernah melalui kehidupan penuh iku sepanjang perkahwinannya akibat daripada keganasan rumah tangga. Beliau nekad untuk memberikan kesedaran tentang keganasan rumah tangga. Kini beliau bekerjasama dengan beberapa NGO dan agensi kerajaan dalam memperkasakan wanita.



Antara persoalan yang sering ditanyakan kepada mangsa ialah "Kenapa biarlah diri didera?" Konsep kitaran penderaan sangat penting bagi memahami sebab-sebab wanita sanggup membiarkan diri mereka hanyut dalam rumah tangga yang penuh derita dan terus membenarkan diri mereka dikasari. Komponen yang paling penting dalam rumah tangga sebegini ialah kuasa dan kawalan. Suami yang mempunyai dalaman yang lemah dan terdesak akan menggunakan pelbagai cara untuk menundukkan



SEKUTUP
RASA

KITARAN PENDERAAN

wanita tersebut agar dapat memuaskan kerakusannya untuk mendapatkan kuasa. Berdasarkan kekuatan fizikal dan ego kekelakuan, suami akan mengawal wanita tersebut dengan melakukan kekerasan secara fizikal dan psikologikal kepadanya. Demi memberi justifikasi terhadap tindakan kasar tersebut, suami ini akan meletakkan kesalahan kepada isterinya yang kononnya telah membangkitkan api kemarahannya lantas menyebabkan tangannya naik. Konsep kitaran penderaan diperkenalkan oleh Lenore E. Walker pada tahun 1979 setelah beliau berjaya menemui bual lebih daripada 1,500 orang mangsa dera.

Kebiasaannya kitaran akan bermula apabila pendera mula berasakan ketegangan (tension bulding). Ketegangan ini datang daripada rutin harian seperti kesempitan kewangan, tekanan di tempat kerja atau masalah dalam perhubungan.

Isteri pula akan mula menghidu ketegangan tersebut dan cuba sedaya upaya untuk menenangkan suaminya dan mengambil hatinya agar dia tidak bertukar menjadi agresif. Pada waktu itu, akan wujud masalah komunikasi antara suami isteri itu dan si isteri akan berada dalam ketakutan. Tempoh untuk ketegangan berkumpul berbeza dan bergantung kepada individu dan situasi. Ia mampu memecah hingga beberapa bulan.

Seterusnya apabila ketegangan tersebut mencapai tahap yang parah, pendera akan melakukan keganasan kepada wanita tersebut (acute violence). Pada peringkat ini, suami tidak mampu lagi mengawal dirinya, dan hal yang kecil mampu menjadi punca kepada meletusnya api kemarahannya. Perlu diingatkan di sini bahawa, keganasan yang berlaku tidak semestinya dalam bentuk fizikal. Ia boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti melalui emosi, psikologi atau kata-kata kesat asalkan pendera dapat menguasai wanita tersebut. Waktu ini adalah sangat kritikal kerana pelbagai kemungkinan boleh berlaku jika ia mencapai tahap di luar jangkaan.

Sebagai golongan yang dicipta berhati lembut dan mudah dipujuk rayu, mereka akan cair apabila pendera memohon maaf atau kasihan melakukan keganasan ke atas dirinya. Waktu bulan madu atau perdamaian (honeymoon period) adalah satu tempoh yang mampu mengaburi minda wanita kerana waktu itu, dia akan dicurahkan kasih sayang sepenuhnya. Waktu itu juga pendera akan berubah menjadi suami yang baik. Ada juga pendera yang cuba meraih simpati dengan mengugut untuk mencederakan dirinya sendiri atau membunuh diri agar wanita itu memaafkan kesalahannya. Akhirnya, wanita tersebut akan berasa simpati dan

membuat keputusan untuk memberi peluang kepada suaminya untuk berubah. Tindakan ini juga dipengaruhi faktor-faktor lain seperti kehadiran anak-anak kerana sebagai ibu, mereka enggan anak-anak membesar tanpa seorang ayah. Jika dikaji semula, kebanyakan wanita yang didera enggan meninggalkan rumah tangga mereka kerana mengenangkan kebaikan suami dalam tempoh bulan madu ini sungguhpun hakikatnya mereka tidak bahagia.

Akhirnya pasangan suami isteri ini akan hidup secara normal dalam tempoh tenang (calm). Waktu ini mereka hidup seolah-olah tiada penderaan pernah berlaku dalam hubungan tersebut. Namun secara perlahan-lahan suami akan kembali kepada ketegangan apabila berhadapan masalah-masalah harian. Maka, kitaran penderaan itu akan bermula kembali. Keganasan yang berterusan untuk jangka masa yang panjang akan membuatkan mangsa dera merasionalkan penderaan itu kepada dirinya sendiri. Dalam erti kata yang lain, dia akan mencipta pelbagai alasan dan sebab untuk menerima penderaan tersebut. Dengan peredaran masa, tempoh bulan madu juga akan menjadi semakin pendek. Waktu itu juga, mangsa sudah hilang kekuatan dan harga diri mengikabkannya hilang keyakinan. Akhirnya, pendera itu berjaya menguasai mangsa dan ini merumikan lagi mangsa meninggalkan suaminya.

Kitaran penderaan ini tidak tipikal untuk setiap hubungan namun ia adalah asas yang mampu menjelaskan mengapa seseorang wanita mampu bertahan untuk hidup dalam suasana yang amat perit ini. Kesan daripada kitaran ini, wanita tersebut akan keliru dan terus membiarkan diri mereka diherdik dan didera. Ditambah lagi, suami yang mendera sering bermain psikologi dan menggunakan sentimen agama untuk mengikat wanita itu agar terus setia dan tidak melangkah pergi. Orang di sekeliling akan menganggap wanita tersebut sebagai bodoh. Namun wanita ini tidak patut dipersalahkan sepenuhnya kerana kekeliruan itu telah mempengaruhi tindakan kognitif dan menjadikannya gagal untuk membuat keputusan yang tepat. Dia hanya cuba untuk menjadi isteri yang baik dan berusaha untuk menyelamatkan rumah tangganya. Wanita sebegini mampu mengorbankan apa saja hatta kebahagiaan diri sendiri. Oleh itu, amat penting bagi orang ramai untuk memahami konsep kitaran penderaan agar wanita yang masih tererangkap dapat dikenal pasti dan diselamatkan sebelum keadaan menjadi mudarat.

*Artikel ini telah disemak dan disunting oleh Lainev Lau, Pegawai Advokasi (Undang-undang dan Dasar) dari Women's Aid Organization (WAO)